



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	1/10/2019	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	SPAN / IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Air terawat patuhi piawaian KKM

Kuala Lumpur: Air terawat yang kembali dibekalkan di semua 204 kawasan terjejas susulan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih kelmarin mematuhi sepenuhnya piawaian kualiti air ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, beliau mengambil maklum aduan sebahagian pengguna berhubung kualiti air yang dibekalkan se-

jurus LRA terbabit kembali beroperasi awal pagi semalam.

"Hasil siasatan dan pemeriksaan di 120 premis pengadu sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), disahkan air terawat yang dibekalkan Air Selangor memenuhi piawaian kualiti air ditetapkan KKM," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau juga memaklumkan bekalan air di empat wilayah yang terjejas membabitkan 372,031 akaun ekoran henti tugas LRA itu juga kini pulih se-

penuhnya.

"Berdasarkan pemantauan paras kolam perkhidmatan dan bacaan tekanan di sistem agihan sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), bekalan air di semua empat wilayah yang terjejas sudah pulih.

"Malah bekalan air di Hulu Langat sudah pulih sepenuhnya seawal jam 6 pagi tadi sementara tiga wilayah lagi iaitu Petaling, Kuala Langat dan Sepang masing-masing sudah pun mencapai kemajuan pemulihan sehingga 99, 98 dan 98 peratus waktu sama.

"Terima kasih kepada semua pihak terutama pelanggan atas kerjasama sepanjang tempoh gangguan dan pemulihan bekalan ini. Kami juga mohon maaf atas segala kesulitan," katanya dalam kenyataan.

LRA Sungai Semenyih kelmarin terpaksa dihenti tugas selepas berlakunya insiden pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Semenyih.

Untuk maklumat lanjut, muat turun aplikasi telefon bimbit Air Selangor atau hubungi Air Selangor di talian 15300.